



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

RUMAWIP ENESTA @KEPONG JANJIKAN PULANGAN TERBAIK KEPADА PEMBELI DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Putrajaya, 26 Oktober 2015 – YBhg Datuk Seri Adnan bin Hj Md Ikhsan, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan menyempurnakan Majlis Pelancaran dan Sesi Pengundian Projek RUMAWIP Enesta@Kepong di sini. Projek ini merupakan projek di bawah Dasar RUMAWIP yang dilaksanakan secara perkongsian strategik di antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Demi Wangsa Development Sdn Bhd, syarikat usahasama antara Amona Group dan Thriven Global Berhad dalam membangunkan rumah mampu milik pada harga di bawah RM300,000.00 kepada rakyat berpendapatan sederhana di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

2. Bagi pelancaran Projek Enesta@Kepong ini, sejumlah 254 unit pangaspuri ditawarkan dengan keluasan 803 kaki persegi pada harga jualan RM300,000.00 seunit yang dilengkapi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air. Projek ini mempunyai 1 blok pangaspuri setinggi 40 tingkat dan menyediakan sebanyak 275 parkir kenderaan. Setiap penduduk akan disediakan hanya 1 petak parkir namun diberi pilihan untuk membeli parkir kenderaan tambahan. Selain itu pondok pengawal 24 jam juga turut disediakan bagi menjamin keselamatan penduduk.

3. Dibangunkan di atas sebidang tanah milik DBKL seluas 2.09 ekar, lokasinya yang strategik di Jalan Kepong, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan berhampiran dengan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang boleh memberi tarikan kepada pembeli serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan awam seperti Kepong Brem Mall, Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang, sekolah, bank-bank perdagangan, kedai-kedai serbaneka dan pelbagai lagi kemudahan sedia ada.

4. Setiap projek RUMAWIP yang dibina di bawah Dasar RUMAWIP adalah tertakluk kepada sekatan moratorium selama 10 tahun yang mana setiap unit yang dibeli tidak boleh dijual kepada pihak lain sebelum tamat tempoh 10 tahun moratorium tersebut. Kerajaan menetapkan sekatan moratorium tersebut bagi menjaga kepentingan Kerajaan dan juga pembeli sendiri. Kerajaan ingin mengelak daripada berlakunya spekulasi harga rumah jika dibenarkan penjualan tanpa ada sebarang sekatan moratorium. Pencapaian pelaksanaan RUMAWIP di Wilayah Persekutuan setakat ini adalah sebanyak 29,154 unit atau 37% daripada sasaran keseluruhan 80,000 unit. Manakala jumlah unit bagi projek-projek yang sedang **dirancang** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pula adalah sebanyak 66,408 unit atau 83% daripada sasaran 80,000 unit.
5. Melalui pelaksanaan RUMAWIP ini akan memberikan kelebihan kepada penduduk Wilayah Persekutuan untuk memiliki rumah sendiri terutamanya di kawasan bandar. Penduduk mempunyai peluang yang tinggi untuk mendapatkan rumah kerana sasaran utama adalah untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana di samping pemaju yang menyambut baik dasar ini bagi pembinaan RUMAWIP. Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Wilayah Persekutuan akan memastikan projek rumah mampu milik berjalan lancar di samping berusaha ke arah membantu menjayakan pembinaan rumah tersebut bagi mencapai sasaran Kerajaan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
26 Oktober 2015
Putrajaya